



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-88853001

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Rujukan Kami : JPA(I)S.178/1/5-9/1 ( 14 )

Tarikh : 9 Mac 2020/ 14 Rejab 1441H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

### **TAWARAN BIASISWA TAJAAN KERAJAAN JEPUN 2021 (MONBUKAGAKUSHO : MEXT) UNTUK PENGAJIAN PASCA SISWAZAH**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Jabatan ini telah menerima pelawaan permohonan basiswa Kerajaan Jepun 2021 (Monbukagakusho: MEXT) untuk Pengajian Pasca SiswaZah di Jepun. Bidang pengajian yang ditaja di bawah basiswa ini ialah *Humanities and Social Sciences* serta *Natural Science* dengan perincian lanjut seperti di dalam Garis Panduan Permohonan yang dilampirkan.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini ingin mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan pegawai di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk memohon basiswa ini. Syarat dan tatacara permohonan/ pencalonan bagi basiswa ini adalah seperti di **Lampiran 1**. Tarikh tutup permohonan/ pencalonan adalah seperti berikut:

- 3.1 Tarikh tutup permohonan secara atas talian bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **24 Mac 2020**.



- 3.2 Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah pada **31 Mac 2020**. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA.**  
**(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)**

4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan di talian 03-88853569/3371 atau emel [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my) .

5. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AZURA BINTI AZIZ)**

Bahagian Pembangunan Modal Insan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN BAGI  
BIAISWA TAJAAN KERAJAAN JEPUN 2021 (MONBUKAGAKUSHO: MEXT)  
UNTUK PENGAJIAN PASCA SISWAZAH**

**1. Syarat-syarat pencalonan**

- (a) Berumur tidak melebihi **35 tahun pada 1 April 2021**;
- (b) Pegawai-pegawai Kerajaan **Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun** (dikira sehingga 1 Januari 2020);
- (c) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (d) Mempunyai **penguasaan Bahasa Inggeris dan/ atau Bahasa Jepun yang baik**;
- (e) Mencapai markah **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun **skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2017, 2018 & 2019)**. Penilaian setahun LNPT genap 12 bulan;
- (f) Tidak mengikuti kursus sederhana di luar negara dalam **tempoh satu (1) tahun kebelakangan** atau kursus panjang dalam **tempoh dua (2) tahun kebelakangan** (dikira dari 1 Januari 2020);
- (g) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tata tertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (h) Telah mengisyiharkan harta;
- (i) Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa JPA; dan
- (j) Tidak berkhidmat dalam perkhidmatan tentera.

2. **Tatacara Permohonan/Pencalonan.**

2.1 **Tanggungjawab Pegawai.**

- 2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara atas talian di Portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 9 hingga 24 Mac 2020**. **Garis Panduan Permohonan** adalah sebagaimana dilampirkan.
- 2.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun, dicetak dan ditandatangani** sebelum dihantar kepada **Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan** masing-masing. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama-sama dengan borang permohonan tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Borang Permohonan (Diisi dalam Bahasa Inggeris atau Jepun sahaja); dan
  - (ii) Salinan sijil dan transkrip akademik bagi Ijazah Pertama dan Sarjana (sekiranya berkaitan) dalam Bahasa Inggeris atau Jepun sahaja, yang telah **disahkan oleh pihak yang diberikuasa mengesah sahaja**. Sila rujuk perkara enam (6) dalam Garis Panduan Permohonan.
- 2.1.3 Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui **Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan** serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPROSES** untuk tujuan pertimbangan.

2.2 **Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.**

- 2.2.1 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.
- 2.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Hanya

pencalonan yang **disokong dan diperakukan oleh** Ketua Jabatan DAN Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia untuk tindakan-tindakan berikut:

- (i) Mengisi Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/ Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan – JPA(L) LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);
- (ii) Memastikan ruang perakuan Ketua Jabatan **di dalam borang permohonan** dilengkapkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan; dan
- (iii) Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama:
  - (a) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 2.1.2; dan
  - (b) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 2.2.2(i) dan (ii).

**2.2.3 Pencalonan tanpa melalui PPSM dan tanpa borang-borang yang lengkap secara automatik tidak akan dipertimbangkan permohonannya.**